

PIP bakal ubah landskap ekonomi Perlis

Padang Besar: Pelaksanaan projek Projek Pembangunan Perlis Inland Port (PIP) bakal mengubah landskap ekonomi di negeri ini, titah Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Raja Perlis bertitah, PIP dan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) adalah dua projek mega yang saling melengkapi serta memberikan impak ekonomi dalam sektor perindustrian dan juga logistik.

"Ini akan menukar suasana khususnya di kawasan Chuping dan Padang Besar yang dahulunya adalah kawasan pertanian.

"PIP adalah sinergi awam dan swasta di mana pihak kerajaan memperuntukkan RM318.0 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur luaran dan RM1.2 bilion daripada pelaburan swasta bagi pembangunan kawasan operasi," titah baginda.

Baginda bertitah demikian semasa melancarkan PIP di Kawasan Perindustrian Projek Pembangunan Lembah Chuping (CVIA) di sini semalam. Berangkat sama, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Yang turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohammad Haris Kader Sultan.

Tuanku Syed Sirajuddin berharap, jalinan kerjasama pihak kerajaan dan swasta dapat diteruskan dan ditingkat bagi memberi manfaat kepada semua pihak khususnya rakyat Perlis.

Baginda bertitah, pembangunan projek terbabit akan membuka banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang serta limpahan rantaian ekonomi kepada masyarakat setempat.

"Rakyat Perlis diharap dapat mengambil peluang ini untuk turut serta menjadi sebahagian daripada pembangunan PIP bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan diri," titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin juga berharap projek itu disediakan mengikut jadual yang ditetapkan di samping yakin ia akan melonjakkan prestasi ekonomi dan pembangunan negeri bagi mencapai sasaran Perlis Negeri Bandaraya menjelang 2030.

BERNAMA



Tuanku Syed Sirajuddin (empat dari kanan) bersama Tuanku Syed Faizuddin melihat replika projek PIP sambil diiringi Ismail Sabri (dua dari kanan) di Kawasan Perindustrian Projek Pembangunan Lembah Chupin, semalam.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)